



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan
Profesional dan
Pendidikan Berterusan
(UTMSPACE)

**SYARAT DAN PERATURAN
GRADUAN MENYERTAI
MAJLIS PENYAMPAIAN DIPLOMA
PROGRAM EKSEKUTIF UTMSPACE
2019**

SENARAI SEMAKAN / CHECK LIST

Sebelum menghadiri Majlis Penyampaian Diploma pastikan (sila tanda ✓) perkara-perkara di bawah telah diambil tindakan.

✓	PERKARA	CATATAN
	Mengisi Borang Pengesahan Kehadiran Majlis Penyampaian Diploma Program Eksekutif 2019	
	Majikan telah selesai mengisi Borang Kaji Selidik Majikan Terhadap Graduan	
	Telah menyediakan pakaian untuk menghadiri Majlis Penyampaian Diploma sepertimana yang ditetapkan.	
	Telah memaklumkan kepada ibu bapa/tetamu tatacara pakaian rasmi yang ditetapkan semasa menghadiri Majlis Penyampaian Diploma Program Eksekutif 2019.	
	Menyerahkan kepada Ibu bapa/ tetamu Pas Masuk dan dibawa semasa menghadiri Majlis Penyampaian Diploma.	
	Telah membuat bayaran Yuran Majlis Penyampaian Diploma dan menjelaskan tunggakan yuran sepenuhnya.	

MAKLUMAT PENTING

1. Raptai

- a) Raptai diadakan di Dewan Sultan Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor pada tarikh dan waktu seperti mana yang tercatat di surat jemputan Graduan.
- b) Semua Graduan adalah dijemput untuk menghadiri majlis raptai tersebut.
- c) Pakaian raptai hendaklah kemas dan sopan serta bersesuaian dengan majlis. Graduan lelaki hendaklah berambut pendek.
- d) Graduan adalah dilarang memakai seluar *jeans*, selipar dan kemeja – T semasa raptai.
- e) Graduan diminta memaklumkan kepada ibu bapa/tetamu supaya berpakaian kemas dan tertib yang bersesuaian untuk majlis rasmi.

2. Majlis Penyampaian Diploma

- a) Majlis akan diadakan pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan sebagaimana yang tercatat di surat jemputan Graduan.
- b) Pendaftaran
 - i. Tempat:
Mengikut tarikh dan masa seperti yang tercatat dalam surat jemputan Graduan.
 - ii. Maklumat yang perlu dibawa:
 - Surat jemputan Graduan
 - Kad pengenalan
 - iii. Syarat pendaftaran:
Tanpa surat jemputan majlis/kad pengenalan, Graduan tidak dibenarkan mendaftar untuk menyertai majlis ini.
- c) Universiti berhak menahan atau melarang Graduan yang tidak mendaftar daripada menyertai majlis ini.
- d) Kad Barisan yang mengandungi nombor giliran/susunan barisan akan diberikan kepada Graduan semasa pendaftaran Majlis Penyampaian Diploma bagi tujuan memudahkan Graduan berbaris mengikut giliran. Sila ikut arahan yang diberikan oleh pegawai dan staf yang bertugas.
- e) Perbarisan Graduan adalah di ruang pejalan kaki di antara Bangunan Kesatuan Pelajar (SUB) dengan Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim (Bangunan Pentadbiran) mengikut program dan nombor giliran yang telah diberikan. Graduan muslim boleh bersembahyang Zohor dan diminta untuk terus memasuki barisan selesai sahaja bersembahyang.
- f) Graduan yang hadir lewat dari tempoh masa pendaftaran yang telah ditetapkan di dalam Jadual Sesi Penganugerahan atau tidak mematuhi peraturan pakaian menghadiri Majlis Penyampaian Diploma tidak akan dibenarkan menyertai majlis.
- g) Semasa majlis sedang berlangsung Graduan diminta menghormati majlis dengan tidak membuat bising. Graduan dan keluarga/tetamu adalah dilarang untuk mengambil gambar (kamera/telefon bimbit) dan membuat rakaman video.
- h) Graduan adalah dinasihatkan supaya tidak membawa masuk barang-barang persendirian seperti beg yang besar, kamera, telefon bimbit, alat kelui (Pager) atau sebagainya ke dalam Dewan Sultan Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor. Barangan tersebut boleh ditinggalkan bersama ahli keluarga.
- i) Graduan kurang upaya (mengandung, cacat atau kemalangan) yang memerlukan bantuan peralatan seperti kerusi roda atau pembantu diminta memaklumkan kepada pihak Universiti semasa mengemukakan Borang Pengesahan Kehadiran Majlis Penyampaian Diploma atau memaklumkan kepada staf bertugas semasa hari raptai.
- j) Graduan dilarang meninggalkan dewan semasa majlis sedang berlangsung.
- k) KUASA UNIVERSITI : Graduan hendaklah mematuhi syarat dan peraturan yang dinyatakan di atas bagi membolehkan penyertaan ke majlis ini.

SYARAT PENYERTAAN GRADUAN DAN BAYARAN

1. Penyertaan Graduan ke Majlis Penyampaian Diploma ini hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Pengesahan Kehadiran Majlis Penyampaian Diploma Program Eksekutif 2019 yang disertakan. Maklumat hendaklah diserahkan kepada Pusat Pengurusan Program masing-masing.
2. Kadar bayaran Majlis Penyampaian Diploma adalah sebagaimana yang tercatat di surat jemputan Graduan.
3. Graduan yang tidak menghadiri Majlis Penyampaian Diploma juga akan dikenakan kadar bayaran konvokesyen sebagaimana yang tercatat di surat jemputan.
4. Bayaran Majlis Penyampaian Diploma hendaklah dibuat di Kolej/Pusat Pengurusan Program (PPP) masing-masing.
5. Graduan dikehendaki mengemukakan semula maklumat berikut ke Pusat Pengurusan Program masing-masing tidak lewat dari tarikh yang telah ditetapkan seperti pada surat jemputan :-
 - a) Borang Pengesahan Kehadiran Majlis Penyampaian Diploma Program Eksekutif 2019
6. Tiada wakil dibenarkan mewakili graduan menyertai Majlis Penyampaian Diploma.

PERATURAN PAKAIAN

1. Pakaian raptai hendaklah kemas dan sopan serta bersesuaian dengan majlis. Graduan lelaki hendaklah berambut pendek.
2. Pakaian dan Rupa Diri Graduan Lelaki
 - a) Graduan hendaklah memakai 'Lounge Suit' warna hitam/biru gelap berserta tali leher ATAU Baju Melayu warna hitam/biru gelap, berbutang lengkap dan bersampin warna hitam; dan stokin serta kasut warna hitam.
 - b) Definisi 'Lounge Suit' ialah Kot/ Blazer berwarna hitam atau biru gelap (blue black), kemeja lengan panjang berwarna putih atau cerah, seluar panjang hitam dan tali leher berwarna hitam, stokin dan kasut hitam.
 - c) Graduan lelaki yang beragama Sikh dibenarkan memakai turban warna hitam sahaja.
 - d) Jubah/ Pakaian Konvokesyen akan disediakan oleh Universiti.
 - e) Graduan tidak dibenarkan:
 - Memakai tali bow (Bow Tie)
 - Memakai subang telinga dan gelang tangan
 - Mewarnakan rambut
 - Berambut panjang (mencecah kolar baju)
 - Memakai 'sandle', kasut tidak formal atau kasut sukan
 - f) Graduan dikehendaki memakai kasut hitam yang bersih dan bersesuaian untuk majlis rasmi.
3. Pakaian dan Rupa Diri Graduan Wanita
 - a) Pakaian graduan wanita ialah PAKAIAN BAJU KURUNG atau PAKAIAN LABUH WARNA BEBAS. Kadar labuh ialah sehingga ke bahagian buku lali (ankle) dan tidak berbelah di kiri kanan atau depan dan belakang. Baju hendaklah tertutup hingga ke pangkal leher di bahagian hadapan dan belakang serta berlengan panjang hingga ke pergelangan tangan. Pakaian daripada kain jenis jarang (nipis) adalah dilarang. (Pakaian berbentuk seluar adalah tidak dibenarkan). Graduat yang tidak mematuhi syarat ini akan dihalang daripada menyertai majlis.
 - b) Dikehendaki memakai kasut bertutup penuh yang bersesuaian, menutupi dari bahagian hadapan kaki hingga ke tumit kaki (cover shoes), selipar ataupun 'sandle' tidak dibenarkan sama sekali.
 - c) Jubah/ Pakaian Konvokesyen akan disediakan oleh Universiti.
 - d) Graduan tidak dibenarkan:
 - Mewarnakan rambut
 - Memakai pakaian yang menutup muka
 - Bertindik telinga melebihi satu pasang
 - Tatarias kuku yang berlebihan

PARA GRADUAN YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN PAKAIAN DAN RUPA DIRI YANG DITETAPKAN, PIHAK JAWATANKUASA PARA LULUSAN MEMPUNYAI KUASA UNTUK TIDAK MEMBENARKAN GRADUAN MENYERTAI MAJLIS PENYAMPAIAN DIPLOMA.

4. Pakaian Yang Perlu Diambil

Setiap Graduan Diploma dikehendaki mengambil Jubah Konvokesyen sebagaimana berikut :

BIDANG PENGAJIAN	JENIS PAKAIAN	JALUR PADA LENGAN JUBAH/ MORTARBOARD
Diploma	Jubah Hitam & 'Mortarboard'	-

5. Kaedah Peminjaman Pakaian Konvokesyen

- Surat jemputan ke Majlis Penyampaian Diploma hendaklah dikemukakan semasa meminjam pakaian konvokesyen
- Graduan diminta menguruskan peminjaman pakaian konvokesyen lebih awal iaitu sebelum hari raptai. Sila rujuk Jadual Pengambilan dan Pemulangan Pakaian Konvokesyen untuk maklumat lanjut.
- Graduan boleh mewakilkan kepada orang lain dalam urusan pengambilan pakaian konvokesyen dengan menggunakan surat wakil yang disertakan seperti di Borang Kebenaran Wakil Mengambil Pakaian Konvokesyen Bagi Pihak Graduan. Borang ini hendaklah dibawa oleh wakil tersebut bersama sesalinan surat jemputan semasa mengambil pakaian konvokesyen.
- Walau bagaimanapun, wakil hanya dibenarkan mengambil dua (2) pakaian konvokesyen sahaja (termasuk diri sendiri) dalam satu-satu masa.

6. Tempoh Pemulangan Pakaian Konvokesyen

- Pakaian konvokesyen hendaklah dipulangkan mengikut Jadual Pengambilan & Pemulangan Jubah yang dikepikan.

7. Denda Kelewatan Pemulangan Pakaian Konvokesyen

- Denda akan dikenakan mengikut jumlah seperti yang tertera di dalam Jadual Pengambilan & Pemulangan Jubah, sijil Diploma Graduan juga akan ditahan sehingga pembayaran berkaitan diselesaikan. Sila pastikan setiap urusan peminjaman, pemulangan dan pembayaran hendaklah disertakan resit.

8. Pengubahsuaian/Kehilangan/Kerosakan Pakaian Konvokesyen

- Graduan tidak dibenarkan sama sekali membuat pengubahsuaian (seperti menjahit lengan atau mengubah kadar labuh jubah) ke atas pakaian konvokesyen UTM. Pengubahsuaian yang dibuat tanpa kebenaran dari Pihak Universiti akan dikenakan denda.
- Kadar denda minimum yang dikenakan ke atas pakaian yang diubahsuai adalah sebanyak RM50.00. Kadar yang lebih tinggi boleh dikenakan berdasarkan tahap pengubahsuaian dan kerosakan yang terlibat. Graduan adalah diminta untuk menyelesaikan bayaran denda terlebih dahulu sebelum membuat tuntutan Diploma.
- Pakaian yang rosak atau hilang akan dikenakan bayaran gantirugi mengikut kadar seperti berikut :

Peringkat Pengajian	Jubah (RM)	Bonnet / Mortarboard (RM)	Lapel (RM)	Jumlah (RM)
Diploma	650.00	120.00	-	770.00

IBU BAPA/TETAMU & PAS MASUK

1. Seorang Graduan akan diberi satu (1) keping pas masuk untuk dua (2) orang ibu bapa/tetamu. Kad masuk ada disertakan.
2. Ibu bapa/tetamu adalah diminta supaya mengambil tempat duduk di dalam dewan sebelum jam 1.50 petang (sesi petang).
3. Ibu bapa/tetamu adalah dinasihatkan supaya *bersembahyang zohor* (bagi muslim) dan makan tengahari terlebih dahulu sebelum masuk ke dalam dewan. Majlis dijangkakan mengambil masa yang agak lama.
4. Ibu bapa/tetamu hendaklah berpakaian rasmi seperti berikut:
 - a) Pakaian tetamu lelaki
 - i. Kebangsaan *atau*
 - ii. Batik *atau*
 - iii. 'Lounge Suit' *atau*
 - iv. Pakaian rasmi yang sesuai (seluar jeans dan kemeja-T tidak dibenarkan)
 - b) Pakaian tetamu wanita
 - i. Kebangsaan *atau*
 - ii. Pakaian rasmi atau pakaian sopan (pakaian gaun atau 'skirt' yang tidak melebihi paras lutut ['skirt' pendek], 'blouse' tanpa lengan, kemeja-T dan seluar adalah tidak dibenarkan)
5. Semasa majlis sedang berlangsung ibu bapa/tetamu diminta menghormati majlis dengan tidak membuat bising. Ibu bapa/tetamu juga dilarang meninggalkan dewan semasa Majlis Penyampaian Diploma sedang berlangsung. Keluarga/tetamu adalah dilarang untuk mengambil gambar (kamera/telefon bimbit) dan membuat rakaman video.
6. Ibu bapa/tetamu yang tidak membawa pas masuk tidak akan dibenarkan masuk ke dewan.
7. Tetamu yang berumur di bawah 12 tahun tidak dibenarkan masuk ke dewan.

KENDERAAN GRADUAN

1. Kenderaan hendaklah diletakkan di tempat letak kereta yang disediakan oleh pihak Universiti. Sila patuhi arahan/tunjuk arah yang diberikan oleh pihak Berkuasa Universiti.

MAKLUMAT MENGENAI PENGAMBILAN DIPLOMA EKSEKUTIF

1. Pengambilan Diploma Eksekutif

- a) Pengambilan Diploma secara sendiri di Kolej/Pusat Pengurusan Program masing-masing.
- b) Graduan yang tidak menghadiri Majlis Pentampaian Diploma juga akan dikenakan kadar bayaran konvokesyen seperti Graduan lain semasa hendak mengambil Diploma masing-masing sebagaimana yang tercatat di surat jemputan.
- c) Diploma yang tidak dituntut akan terus disimpan oleh pihak Universiti. Walau bagaimanapun, pihak Universiti tidak akan bertanggungjawab jika berlaku kerosakan/kehilangan dan sebagainya ke atas Diploma tersebut.

2. Penahanan Diploma Eksekutif

Diploma tidak akan dikeluarkan sekiranya Graduan masih:

- a) Tidak menjelaskan bayaran konvokesyen; atau
- b) Belum memulangkan pakaian konvokesyen UTM; atau
- c) Belum menjelaskan yuran pengajian atau sebarang tunggakan.

Sekiranya bayaran atau penyerahan sudah dibuat, sila bawa surat pelepasan hutang berkenaan.

HAL LAIN

1. Gr a d u a n d i n a s i h a t k a n u n t u k m e m b a w a bersama buku panduan ini semasa menghadiri raptai dan Majlis Penyampaian Diploma.
2. Sebarang pertanyaan mengenai Majlis Penyampaian Diploma Program Eksekutif, sila hubungi talian 07-5318046/8047.

Alamat

Urusetia,
Majlis Penyampaian Diploma Program Eksekutif 2019
UTMSPACE, No. 34-50, Jalan Kebudayaan 1,
Taman Universiti,
81300 Skudai, Johor Bahru, Johor.

LAGU RASMI UTM

KEUNGGULAN TERBILANG

BERSAMA KITA MENJULANG
KEUNGGULAN TERBILANG
KE MERCU JAYA KITA USAHA
UTM PUNCAK LETAKNYA

MARTABAT KEILMUAN
CENDIAKAWAN BERIMAN
CEKAL BERSAMA TAKWA
MENARA CITA-CITA

KAMI ANAK KANDUNG UTM
RIMBUN BERNAUNG USAHA
KAMI BUKTI CINTAMU DIKAU
PERSADA ILMU
KEAZAMAN PERJUANGAN TAKWA DAN IMAN

KE ARAH KECEMERLANGAN
PENGAJARAN PENYELIDIKAN
PENULISAN PERUNDINGAN
PERKHIDMATAN KEPADA WATAN

DI SINI KAMI BERDIRI SETIA PADA JANJI
BERMARUAH BERBUDI BAHASA
UTM SANJUNGAN BANGSA
UTM SANJUNGAN BANGSA